# Buletin

## AKADEMI PENGAJIAN MELAYU, UNIVERSITI MALAYA

SSBN 1823-6928

BIL. 22/2018



## MELAYU DAN ISLAM DALAM ERA MALAYSIA BAHARU



Sosio-Budaya Melayu




Bahasa Melayu




Kesusasteraan Melayu




Linguistik Melayu



Kesenian Melayu

## Seminar Antarabangsa Khazanah Melayu Serumpun di Era Baharu

## Syarahan Za'ba 2018

AKADEMI PENGAJIAN MELAYU

UNIVERSITI MALAYA

# Isi Kandungan


Dari Meja Ketua Sidang Pengarang ....................................................................2
Sidang Pengarang ......................................................................................3
Perutusan Pengarah.....................................................................................4
Syarahan Za'ba..........................................................................................5
Seminar Antarabangsa Khazanah Melayu Serumpun Dalam Era Baharu..........................7
Seminar Pemikiran Profesor Taib Osman..............................................................9
Sebahtera..............................................................................................12
Seminar Naskhah.......................................................................................13
Diskusi Buku...........................................................................................14
Pameran Kenangan Dato' Seri Anuar Ibrahim Bersama Universiti Malaya .....................15
Pameran Peralatan Memburu, Jerat & Perangkap....................................................16
Pameran Pemikiran Taib Osman.........................................................................18
Pencapaian Staf APM....................................................................................19
Pencapaian Pelajar......................................................................................20
Jalinan Masyarakat ...................................................................................... 22
Hari Interaksi Hati'18 ..................................................................................24
Malam Tautan Kasih Maltis 2018.......................................................................25
Kenduri Rakyat 2018 ....................................................................................27
Gambar Hari Interpersonal Live dan Program Fasilitator..........................................29
Peristiwa Bergambar.....................................................................................30
Program Bicara Tokoh...................................................................................31
Seminar Kerjaya.........................................................................................33
MoU/MoA/SEPA...........................................................................................34
Program Pertukaran Pelajar (SEPA) Inbound Outbound .............................................35
Keratan Akhbar ..........................................................................................36
Senarai Penerbitan 2018.................................................................................40
Konvokesyen 2018........................................................................................42

# Dari Meja Ketua Sidang Pengarang



BULETIN APM 2018 akhirnya berjaya diterbitkan pada tahun ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua Jawatankuasa Buletin 2018 yang sentiasa memberikan komitmen yang tinggi terhadap penerbitan BULETIN APM. Tidak lupa kepada semua pensyarah dan staf sokongan yang memberi kerjasama sepenuhnya dalam setiap tugas dan aktiviti yang dijalankan di APM.

Tujuan BULETIN APM 2018 diterbitkan pada tahun ini sama juga seperti BULETIN APM pada tahun-tahun lepas. Buletin APM merupakan laporan ringkas tentang perkembangan yang berlaku di APM pada setiap tahun. Buletin APM 2018 ini turut dimuat naik dalam laman web rasmi APM.

Banyak anugerah, kejayaan dan aktiviti staf dan pelajar dimuatkan sebagai dokumentasi kejayan APM dalam BULETIN APM 2018 ini. Dokumentasi ini sangat penting sebagai rujukan dan makluman kepada warga Universiti Malaya, institusi luar dan masyarakat.

Aktiviti pelajar dilihat semakin memberangsangkan pada tahun 2018. Hal ini sangat baik kerana dapat meningkatkan keyakinan diri para pelajar APM, dan seterusnya menjadi lebih berdaya saing selepas tamat pengajian nanti. Persidangan dan seminar bukan sahaja dijalankan pada peringkat kebangsaan, tetapi turut melibatkan peringkat antarabangsa. Usaha APM mengadakan persidangan dan seminar dengan kerjasama luar negara dapat meningkatkan lagi pencapaian tenaga akademik APM dalam pembentangan dan penerbitan antarabangsa.

Selain itu, penerbitan dan penyelidikan melalui MoU dengan institusi-institusi luar negara Beijing Foreign Studies University, Beijing, China; Tianjin Foreign Studies University, China; Guangdong University of Foreign Studies, Guangzhou, China; Universiti Rajabhat, Yala, Thailand; Universiti Andalas, Indonesia, dan Universiti Dayanu Ikhsanuddin, Indonesia diperkukuhkan dari semasa ke semasa. APM juga mencari peluang-peluang baru untuk meningkatkan lagi kerjasama dengan institusi antarabangsa.

Akhir kalam, saya sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih kepada Jawatankuasa Buletin APM 2018. Penerbitan BULETIN APM ini bukanlah suatu usaha yang mudah. Tanpa sokongan dan kerjasama semua AJK dan semua pihak, penerbitan BULETIN 2018 ini tidak akan dapat direalisasikan seperti ini.

Semoga Pengajian Melayu terus melakarkan kejayaan demi kejayaan hingga ke seluruh dunia.

Profesor Madya Dr. Sabzalli Musa Kahn
Ketua Sidang Pengarang
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya

# Sidang Pengarang

***PENASIHAT***
Prof. Dr. Puteri Roslina Abdul Wahid

***KETUA SIDANG PENGARANG***
Prof. Madya Dr. Sabzali Musa Kahn

***EDITOR***
Prof. Madya Dr. Sabzali Musa Kahn

***SIDANG PENGARANG***
Dr. Mardian Shah Omar
Dr. Maizira Abdul Majid
Dr. Nurul Haniza Samsudin
Dr. Eizah Mat Hussain
Encik Mohammad Anis b. Abdul Samad
Encik Ahmad Kamal Alias
Puan Ahna Sum Sum
Puan Nor Azura Taib
Puan Norfazana Muzi
Puan Radziah Abu Nor
Puan Radziyah Sulaiman
Puan Siti Salasiah Mohamed Zakaria
Puan Wan Habsah Wan Ali

***GRAFIK DAN SUSUN ATUR***
Prof. Madya Dr. Sabzali Musa Kahn
Encik Ricky Issau



# Perutusan Pengarah



Bismillahhir-Rahmanir-Rahim. Assalammualaikum W.B.T. Terlebih dahulu saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin dan kurnia-Nya saya diberikan kesempatan untuk memberi sepatah dua kata untuk penerbitan Buletin Akademi Pengajian Melayu 2018.

Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan tahniah kepada sidang redaksi Buletin Akademi Pengajian Melayu 2018 atas kejayaan menerbitkan buletin secara dalam talian yang sangat istimewa ini. Perkembangan teknologi terkini telah dimanfaatkan untuk membolehkan akses maklumat pantas berkaitan perkembangan terkini Akademi Pengajian Melayu dijalankan. Kemudahan maklumat dihujung jari membolehkan Buletin Akademi Pengajian Melayu 2018 yang diterbitkan dalam talian ini mampu menjadi platform penyampaian maklumat yang cepat dan dapat diakses dengan pantas.

Sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada kakitangan akademik, kakitangan sokongan dan mahasiswa serta mahasiswi yang telah memberikan kerjasama dalam pelbagai program yang dianjurkan oleh Akademi Pengajian Melayu pada tahun 2018. Kerjasama dan sokongan yang diberikan telah dibuktikan dalam gambar-gambar yang terlampir di dalam buletin ini. Gambar-gambar dan laporan di dalam buletin ini menjadi catatan kenangan tahun 2018 serta menunjukkan pencapaian pada pelbagai peringkat, sama ada di peringkat nasional dan antarabangsa. Meskipun tahun 2018 telah melabuhkan tirainya, kejayaan yang dicapai ini menjadi titik tolak kepada kejayaan yang lebih gemilang pada tahun 2019. Akhir kata, saya juga berharap agar semua aktiviti yang dirancangkan pada tahun 2019 mampu dilaksanakan dengan jayanya dengan sokongan semua pihak. Tanpa sokongan semua pihak, tidak mungkin Akademi Pengajian Melayu mampu dikenali di mata dunia. Sekian, Terima Kasih.

# Syarahan Za'ba

Syarahan Za'ba: "Melayu dan Islam dalam Era Malaysia Baharu"

Syarahan Za'ba yang telah diadakan pada 23 November 2018 lalu telah berjaya dengan tujuan utamanya, iaitu untuk mengangkat tokoh dalam pelbagai bidang untuk berbicara tentang aspek kemelayuan dalam syarahan mereka. Walau bagaimanapun, tokoh yang diundang pada kali ini agak istimewa kerana latar belakang perjuangan beliau dalam arena politik. Beliau yang tidak asing lagi, iaitu YB Dato' Seri Anwar Ibrahim telah menyampaikan syarahan beliau yang bertajuk "Melayu dan Islam dalam Era Malaysia Baharu".

Dalam syarahannya itu, beliau telah membicarakan secara terbuka berkaitan kedudukan Melayu dan Islam dalam konteks Malaysia baharu. Syarahan yang diadakan buat kali ketujuh ini didapati berjaya mencapai matlamatnya lantaran penghujahan secara mendalam dan analitikal berkaitan isu yang dibincangkan. YB Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam syarahan tersebut tidak lupa menyentuh isu berkaitan institusi pendidikan tinggi seperti Universiti Malaya yang menjadi saksi kepada tradisi ilmu, budaya, dan perjuangan rakyat pascamerdeka. Beliau turut mengingatkan mahasiswa dan mahasiswi tidak menjadikan peluang melanjutkan pelajaran ke menara gading sebagai tiket mendapatkan sijil, kedudukan, atau jaminan hidup kerana perkara yang lebih penting adalah kecintaan terhadap ilmu pengetahuan yang diperolehi.

Turut menyentuh berkaitan Melayu dan Islam dalam era Malaysia Baharu, beliau menyatakan bahawa sastera, budaya, dan bahasa sesuatu masyarakat itu mampu diangkat menjadi sebuah tamadun. Tamadun yang dibina oleh masyarakat madani ini turut didasari oleh keprihatinan, kemanusiaan, moral, dan etika perlu juga menitikberatkan pertumbuhan ekonomi di samping mengangkat budaya supaya wujud keseimbangan antara keduanya. Dalam mengakhiri syarahannya, beliau turut menyatakan bahawa negara ini tidak boleh lari daripada landasan kemelayuan dan Islam dalam era Malaysia Baharu kini. Walau apa pun bentuk peraturan, undang-undang atau pelaksanaan yang bakal dibentuk atau dipinda, hak istimewa orang Melayu dan Bumiputera serta agama Islam masih dipelihara sebagai landasan pembinaan negara ini.



# Syarahan Za'ba



















# SEMINAR ANTARABANGSA KHAZANAH MELAYU SERUMPUN DALAM ERA BAHARU

Seminar antarabangsa yang melibatkan kerjasama antara Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Andalas Padang, Sumatera Barat, Indonesia dengan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur ini pernah diadakan pada tahun 2016 di Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Andalas Padang dengan tema Khazanah Bahasa, Sastra dan Budaya Serumpun. Hasil seminar tersebut telah berjaya menerbitkan sebuah buku yang menghimpunkan tulisan para pemakalah di kedua-dua universiti.

Sehubungan itu, satu seminar lanjutan telah diadakan pada 14 hingga 15 November 2018 di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Pada kali ini, seminar turut mendapat kerjasama dengan Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Seminar kali ini bertemakan Khazanah Melayu Serumpun dalam Era Baharu dan masih memfokuskan subbidang bahasa dan linguistik, sastera, seni dan budaya serumpun.

Sebanyak 28 kertas kerja telah dibentangkan oleh para cendekiawan daripada kedua-dua institusi. Kertas Ucap Utama 1 disampaikan oleh Dr. Hasanuddin, Dekan Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Andalas, Padang, Indonesia membicarakan “Wacana Etnodiplomatika Minangkabau”. Kertas Ucap Utama II disampaikan oleh Prof. Dr. Puteri Roslina Abdul Wahid, Pengarah Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya yang bertajuk “Pemikiran Masyarakat Melayu dalam Pantun Terkini: Analisis Pantun-Pantun dalam Media Sosial (Twitter)”. Kertas Ucap Utama III dibicarakan oleh Prof. Dr. Mohamed Hatta Shaharom, Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur membicarakan “Psikiatri Budaya di Malaysia dan Indonesia”. Kesemua kertas kerja yang dibentangkan telah diterbitkan oleh Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur dalam buku yang bertajuk “Khazanah Melayu Serumpun dalam Era Baharu”. Seminar ini telah berjaya memperkaya kajian berkaitan bahasa, sastera, seni dan budaya serumpun dan menjadi medan perkongsian idea dan ilmu antara pemakalah di kedua-dua universiti.



# SEMINAR ANTARABANGSA KHAZANAH MELAYU SERUMPUN DALAM ERA BAHARU



















# Seminar Pemikiran Profesor Taib Osman

## LATAR BELAKANG
## Profesor Emeritus Datuk Dr. Haji Mohd Taib Osman

Profesor Emeritus Datuk Dr. Haji Mohd Taib Osman merupakan Profesor Pengajian Melayu pertama. Beliau adalah antara tokoh penting dalam bidang Pengajian Melayu. Beliau dilahirkan pada 13 Mei 1934 di Kampung Kembangan. Pada tahun 1942 hingga 1945, beliau mendapat pendidikan awal dalam pendidikan Jepun . Beliau meneruskan persekolahan di Sekolah Inggeris Rangoon Road sehingga tahun 1948. Kemudian, beliau meneruskan persekolahan di English Primary School, Rangoon Road Singapura (1946 hingga 1948) manakala, peringkat menengah di Raffles Institution, iaitu antara 1949 hingga 1953. Pada tahun 1954, beliau mula menjejak kaki ke Universiti Malaya, Singapura dan berjaya memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam bidang Pengajian Melayu pada tahun 1958. Beliau turut berpindah bersama-sama dengan Jabatan Pengajian Melayu ke Kuala Lumpur. Pada tahun 1961, beliau memperolehi Ijazah Sarjana Sastera dan meneruskan pengajian di Universiti Indiana, Amerika Syarikat dalam bidang "Folklore and Culture Anthropology" sehingga memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (PhD) pada tahun 1967.

Beliau mula berkhidmat pada tahun 1959, iaitu sebagai Penolong Pensyarah di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya (UM). Pada tahun 1967, beliau dilantik sebagai pensyarah kanan di jabatan yang sama. Pada 15 Oktober 1968, iaitu ketika berusia 33 tahun, beliau dilantik menjadi Profesor Pengajian Melayu dan merupakan anak Melayu yang pertama diangkat memegang Kursi Kesarjanaan di Jabatan Pengajian Melayu. Beliau dilantik sebagai Pemangku Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial (1668), Ketua Jabatan Pengajian Melayu (1975 hingga 1976), Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial (1978 hingga 1982) serta Ketua Jabatan Pengajian Melayu (1988 hingga 1989). Selepas bersara sebagai Profesor Pengajian Melayu, beliau dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Perjawatan) di UM pada tahun 1989 dan seterusnya dilantik sebagai Pemangku Naib Canselor selama setahun. Kemudian, beliau diberi kepercayaan untuk memegang jawatan Naib Canselor UM bermula 9 Mac 1991 hingga 8 Mac 1994. Beliau merupakan Naib Canselor UM yang kelima.

Beliau juga turut terlibat dalam pelbagai badan dan persatuan, antaranya ahli Lembaga Bandaran Petaling Jaya, Pengerusi Jawatankuasa Persidangan Kongres Kebudayaan Kebangsaan, anggota Lembaga Pengelola DBP, anggota Panel Hadiah Karya Sastera, Presiden Malaysian Sociaty for Asian Studies serta ahli Jawatankuasa Persatuan Penulis Nasional (PENA). Beliau juga pernah menganggotai Panel Anugerah Sastera Negara yang dilantik oleh Perdana Menteri. Beliau juga dilantik sebagai Kurator Kehormat Muzium Negara dalam bidang Etnologi. Selain itu, beliau juga dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Penasihat UNESCO bagi mengkaji budaya-budaya Asia Tenggara serta Ketua Pengarang Projek "Islamic Civilization in the Malay World" oleh Pusat Penyelidikan Sejarah Islam, Kesenian dan Kebudayaan, iaitu sebuah agensi di bawah naungan OIC.

Beliau telah dianugerahi dengan beberapa anugerah. Antaranya, gelaran Profesor Emeritus daripada UM (1996), pingat Johan Setia Mahkota (JSM) oleh Yang Dipertuan Agong (1972) serta Ijazah Kehormat Doktor Persuratan (1990) oleh Universiti Kebangsaan Malaysia. Selain itu, beliau turut dianugerahkan Bintang Kebesaran Negeri Melaka, Darjah Mulia Seri Melayu yang membawa gelaran "Datuk" pada tahun 1993. Beliau meninggal dunia pada 3 September 2017

### OBJEKTIF

Objektif utama seminar ini adalah untuk mengkaji pemikiran PTO tentang Pengajian Melayu,

1. Mengkaji peranannya dalam membentuk pemikiran baru tentang Pengajian Melayu berkaitan Budaya, Bahasa, Kesusasteraan dan Kesenian.
2. Mengkaji bagaimana tokoh ini memanfaatkan media untuk bersuara.
3. Mengkaji bagaimana beliau memahami orang Melayu dan sumbangannya kepada kebudayaan kebangsaan.

### JUSTIFIKASI

Ketokohan Allahyarham Profesor Mohd Taib Osman (PTO) dalam bidang Pengajian Melayu tiada tandingan. Latar belakang akademik, profesion dan pembacaanya telah menyumbang kepada corak penulisannya yang terdiri daripada karya kesusasteraan,dan antropologi budaya. Beliau telah menghasilkan puluhan buah buku dan ratusan makalah serta laporan teknikal. Antara judul buku beliau ialah *Adab Raja-Raja* (2006), *Universiti dan Tradisi Kecemerlangan* (2004), *Budaya* dan Bahasa Melayu. Masalah dan Harapan (2004), Cerita Lipur Lara (2004), Globalisasi *Patriotisme dan Isu-Isu Kemasyarakatan* (2004), *Tamadun Islam di Malaysia* (2000) serta *Islamic Civilization in the Malay World* (1997). Selain itu, Bingkisan Kenangan untuk Pendeta (1993), *Pengkajian Sastera Rakyat Bercorak Cerita* (1991), Malay Folk Beliefs (1989), Masyarakat Melayu (1989), Kebudayaan Melayu dalam Beberapa Persoalan (1988), Bunga Rampai: Aspects of Malay Culture (1988), Kajian Budaya dan Masyarakat di Malaysia (1987), An Introduction to the Development of Modern Malay Language and Literature (1986), Malaysian World-View (1985) serta Hikayat Awang Sulung Merah Muda (1985). Beliau juga menghasilkan penulisan mengenai Kajian Budaya dan Masyarakat di Malaysia (1983), Manual for Collecting Oral Tradition: With Special Reference to Southeast Asia (1982), Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan Malaysia (1977), Tradisional Drama and Music of Southeast Asia (1974), *An Introduction to the Development of o the Development of Modern Malay Language and Literature* dan sebagainya.

### PROGRAM

Aktiviti utama seminar ini ialah pembentangan kertas kerja oleh pembentang undangan. Pembentang yang akan dikenal pasti terdiri daripada rakan akademik seangkatan dan pernah bertugas bersama beliau dan ahli akademik yang merupakan bekas pelajar dan sarjana yang mengkaji tentang beliau. Sebanyak 10 kertas kerja telah dibentang dalam seminar sehari ini.

### NAMA PROGRAM

Seminar Pemikiran Prof. Emeritus Dr. Mohd bin Osman

### TEMA PROGRAM

Pemikiran PTO tentang Pengajian Melayu



ANJURAN/TEMPAT/TARIKH/HARI
Akademi Pengajian Melayu/Dewan Semarak/20 September 2018/Khamis

PENAUNG
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

PENASIHAT
Pengarah Akademi Pengajian Melayu

PENGERUSI
Ketua Jabatan Sosio Budaya/Kesenian Melayu

BILANGAN PESERTA
200 ORANG (MELIBATKAN PELAJAR APM DAN TETAMU JEMPUTAN)

PENGURUSAN
Penyelarasan dilakukan oleh Pensyarah di Jabatan Sosio Budaya/Kesenian Melayu

HASIL PROGRAM
Penerbitan Buku








# SEBAHTERA

## Seminar Bahasa Sastera dan Budaya Melayu

Seminar Bahasa Sastera dan Budaya Melayu (SEBAHTERA) yang saban tahun diadakan telah berlangsung pada 5 Disember 2018 di Dewan Perdana, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Seminar kerjasama antara Akademi Pengajian Melayu (APM), Universiti Malaya dan Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia yang kini dikenali sebagai Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu (BAYU), UKM kali ini bertemakan “Aspirasi Pengajian Melayu dalam Malaysia Baharu”.

Seminar ini mengumpulkan para cendekiawan dan pelajar dalam pengajian Melayu daripada kedua-dua institusi. Sebanyak 12 kertas kerja dibentangkan merangkumi aspek bahasa, kesusasteraan, kebudayaan dan kesenian Melayu. Kertas Ucap Utama 1 disampaikan oleh Prof. Dr. Supyan Hussin, Pengarah, Institut Alam Dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM membicarakan “Penerokaan Dimensi Baru dalam Pengajian Melayu”. Kertas Ucap Utama 2 disampaikan oleh Prof. Dr. Puteri Roslina Abdul Wahid, Pengarah, Akademi Pengajian Melayu, UM bertajuk ” Aspirasi Pengajian Melayu dalam Malaysia Baharu”. Kesemua kertas kerja yang dibentangkan akan diterbitkan dalam Jurnal Melayu 2019 terbitan UKM. Seminar sehari ini telah menjadi medan perkongsian idea dan ilmu dikalangan cendekiawan untuk melestarikan pengajian Melayu agar terus relevan mendepani masa hadapan.








# Seminar Naskhah

Siri Seminar Naskhah Melayu diadakan pada 19 Disember 2018 yang dibentangkan oleh Encik Muhammad Marwan bin Mohd Tanos dan dipengerusikan oleh Profesor Madya Dr. Hashim Ismail dari Jabatan Kesusasteraan Melayu. Siri Seminar ini membicarakan tentang Ilmu Surat-Surat Menyurat Melayu dalam Naskah-Naskah Kitab Terasul yang mengupas mengenai adab dalam penulisan surat Melayu tradisional yang terdapat dalam kitab terasul.













# Diskusi Buku

Siri Diskusi Buku anjuran Jabatan Kesusasteraan Melayu merupakan perbahasan yang membicarakan karya yang dihasilkan sama ada karya akademik dan kreatif. Pada 4 Disember 2018 telah berlangsung Diskusi Buku yang dipengerusikan oleh ketua Jabatan Kesusasteraan Melayu, iaitu Dr. Mohd Taufik Arridzo Mohd Balwi. Perbahasan diskusi dimulai oleh Profesor Emeritus Dr. Muhammad Bukhari Lubis yang membicarakan Kata Serapan Parsi dalam Bahasa yang mendapati terdapat pengaruh kata serapan dalam bahasa Parsi ke dalam bahasa Melayu. Seterusnya, Dr. Ummi Hani Abu Hassan telah membicarakan karya kreatif oleh Habiburrahman El Shirazy yang bertajuk Cinta Romantisme dalam Novel Ayat-Ayat Cinta 2.










# PAMERAN KENANGAN DATO' SERI ANWAR IBRAHIM BERSAMA UNIVERSITI MALAYA

Sempena Syarahan Za'ba Pengajian Melayu 2018, Akademi Pengajian Melayu turut mengadakan pameran bertajuk "Kenangan DSAI Bersama UM" pada 23-30 November 2018. Pameran ini diadakan dengan kerjasama Unit Arkib Perpustakaan Peringatan Za'ba, Pejabat Komunikasi Korporat UM dan Pusat Pentadbiran & Perkhidmatan Akademik UM.

Pameran ini menampilkan koleksi foto Dato' Seri Anwar Ibrahim (DSAI) yang dirakamkan di UM, dari zaman beliau aktif sebagai pemimpin mahasiswa, hinggalah ketika menjalankan pelbagai tugas rasmi sebagai Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

**Kapsyen gambar**

1. Menelusuri sejarah Jabatan Pengajian Melayu di zaman DSAI sebagai mahasiswa.
2. Bersama rakan-rakan sepengajian di Jabatan Pengajian Melayu.
3. DSAI menghayati pameran yang memaparkan sebahagian kisah perjuangannya.
4. Wajah DSAI di zaman remaja sewaktu menjadi mahasiswa. Foto koleksi Bahagian Akademik UM.
5. Poster pameran











# Pameran Peralatan Memburu, Jerat & Perangkap

Aktiviti memburu dilakukan tidak kira bangsa, di serata pelosok dunia. Cara dan peralatan yang digunakan berbeza-beza mengikut jenis haiwan yang hendak ditangkap, ekologi setempat dan teknologi yang digunakan. Orang Melayu tidak terkecuali, turut memiliki kearifan sendiri dalam usaha menangkap haiwan dalam pelbagai persekitaran sama ada hutan, belukar, sungai, laut dan sebagainya.

Perubahan zaman menyaksikan cara hidup masyarakat turut berubah daripada tradisional kepada moden. Kini, aktiviti memburu bukan lagi suatu kelaziman kerana keperluan makanan diperolehi dengan cara yang mudah, asalkan ada duitnya. Perubahan cara hidup ini membuatkan ilmu dan kemahiran tentang memburu, memasang jerat dan perangkap kurang diambil kisah. Jika dibiarkan berterusan, dikhuatiri ilmu dan kemahiran ini makin lama makin hilang ditelan arus zaman.

Akademi Pengajian Melayu (APM), Universiti Malaya (UM) telah mengadakan pameran Peralatan Memburu, Jerat dan Perangkap di Muzium Etnografi Melayu pada 16 April dan dilanjutkan sehingga 8 Jun 2018.

Pengarah APM, Profesor Dr. Puteri Roslina Abdul Wahid berkata, ini adalah usaha APM menjalankan penyelidikan tentang ilmu, kemahiran dan teknologi berkaitan jerat dan perangkap. Melalui pameran, pelbagai peralatan berkaitan aktiviti memburu, jerat dan perangkap berjaya dikumpulkan. Bahan-bahan ini akan didokumentasikan dan dimanfaatkan untuk menghasilkan bahan rujukan seperti katalog dan buku.

Ketua Pengarah JMM, Datuk Kamarul Baharin A. Kassim, telah merasmikan pameran ini pada 26 April 2018 di hadapan lebih kurang 130 orang tetamu, terdiri daripada warga APM, pihak-pihak bekerjasama dan tetamu jemputan. Menurut beliau, pameran ini sangat menarik kerana tajuknya merangkumi pelbagai aspek kehidupan. Selain perihal ikhtiar hidup, tajuk ini berkait rapat dengan budaya, seni, ekonomi, hobi, ekologi, teknologi, kepercayaan, petua dan pantang larang. Tidak ketinggalan, ilmu berkaitan jerat dan perangkap juga penting untuk tujuan keselamatan.





# Sambungan ...

## Pameran Peralatan Memburu, Jerat & Perangkap

Majlis perasmian telah disusuli seminar yang dijayakan oleh tiga orang pembentang, iaitu Dr. Muhammad Saiful Haq Hussin mewakili APM, UM, Encik Asmawi Mohamed Yunos mewakili JMM, dan Tuan Sh Khayulzahri Sh A. Raof mewakili KEJORA. Masing-masing telah membicarakan tentang "Jebak: Kearifan Teknologi Melayu Dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi", "Jerat dan Perangkap Dalam Masyarakat Orang Asli" dan "Estetika Nusantara Dalam Perburuan Nelayan Tradisi". Seminar dipengerusikan oleh Dr. Marzudi Md. Yunus dari APM, UM.

Pada sebelah petang pula, APM telah dimeriahkan dengan pertunjukan memasang jerat dan perangkap oleh Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) UM, bengkel pembuatan bubu ikan oleh En. Masrudin Aman, sebelum diakhiri dengan sesi perkongsian pengalaman Persatuan Kelestarian Ekosistem (NEST).

Lebih 120 bahan pameran berjaya dikumpulkan daripada koleksi Jabatan Muzium Malaysia, Muzium Nelayan Tanjong Balau, Muzium Seni Asia, Muzium Kraf dan Persatuan Penggiat Seni Ukir Kayu Malaysia (PENGUKIR).

Bahan-bahan ini merangkumi pelbagai peralatan memburu (seperti panah, lembing dan tombak), pelbagai jenis jebak burung (seperti jebak puyuh, serindit dan tekukur), pelbagai jenis bubu (seperti bubu tempang, tengkalak, tuar, tembilar, gelugor dan lukah catuk), selain beberapa jenis jerat dan perangkap haiwan di hutan (seperti perangkap pelanduk, racik ayam hutan, jerat tupai dan musang).

Ada juga bahan pameran ini diperolehi daripada koleksi peribadi, antara yang menarik ialah 14 buah jebak puyuh koleksi Allahyarham Mohd. Yunus Mohd. Noor. Selain artifak, turut dipamerkan buku dan hasil penyelidikan berkaitan tajuk pameran, koleksi Perpustakaan Universiti Malaya. Bagi peminat seni visual pula, turut dipamerkan lukisan dan fotografi koleksi Galeri Seni Universiti Malaya dan Persatuan Kelestarian Alam (NEST).

Antara bahan yang unik dalam pameran ini ialah jebak puyuh. Dahulu, memikat burung puyuh adalah antara kegiatan yang diminati terutamanya selepas musim menuai padi atau ketika banjir menenggelamkan semak samun. Pada musim itu, burung puyuh mudah didapati.

Burung puyuh diminati kerana keenakan dagingnya. Jebaknya bersaiz kecil, sesuai dengan saiz burung puyuh. Puyuh denak diletakkan di dalam jebak untuk dijadikan penarik kepada puyuh liar. Apabila puyuh liar mendekati pintu jebak dan terpijak jerat yang dipasang, pintu jebak pun tertutup.

Kini, burung puyuh mudah diperolehi dengan adanya usaha penternakan secara moden. Aktiviti menjebak puyuh semakin dilupakan. Namun, masih ada individu yang meminati dan mengumpul jebak puyuh sebagai koleksi antik.

Antara keunikan jebak puyuh ialah proses pembuatannya memerlukan kemahiran dalam tiga cabang seni sekaligus, iaitu seni bina, seni anyaman dan seni ukiran. Ini yang menjadikan jebak puyuh kekal unik dan istimewa di mata pencinta seni.







# Pameran Pemikiran Taib Osman

Sempena "Seminar Pemikiran Profesor Emeritus Datuk Dr. Mohd Taib Osman", pada 20 September 2018, Akademi Pengajian Melayu (APM) dengan kerjasama Perpustakaan Universiti Malaya mengadakan satu pameran khas mengenai ketokohan Allahyarham.

Bahan utama pameran ialah buku-buku yang dihasilkan, sijil-sijil dan anugerah yang diterima, foto dan barangan koleksi peribadi Allahyarham.

Turut dipamerkan gambar dan dokumen berkaitan sejarah Pengajian Melayu. Peralatan antik antaranya mesin tapin jawi dan mesin slaid yang pernah digunakan di Jabatan Pengajian Melayu.

Pameran yang bertempat di Dewan Angsana, APM ini berlangsung selama sebulan, sehingga 19 Oktober 2018.







# Pencapaian Staf APM

## ANUGERAH PENCAPAIAN CEMERLANG (APC) 2018



PROFESOR MADYA
DR. MUHAMMAD SAIFUL HAQ BIN HUSSIN
PENSYARAH



PROFESOR MADYA
DR. HASHIM BIN ISMAIL
PENSYARAH



PUAN ROSLEZA ABU HANIFAH
PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)

## SIJIL PENCAPAIAN CEMERLANG (SPC) 2018



PROFESOR MADYA DR. AWANG AZMAN AWANG PAWI
PENSYARAH



PROFESOR MADYA DR. SABZALI MUSA KAHN
PENSYARAH



PUAN NORFAZANA MUZI
PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT



PUAN ROHAIDA HASHIM
PEMBANTU TADBIR (P/O)



PUAN SHARIFAH ZAINUN SYED SAHIL
SETIAUSAHA PEJABAT



PUAN SITI SALASIAH MOHAMED ZAKARIA
PEMBANTU TADBIR

# Pencapaian Pelajar

| BIL. | NAMA | AWARD |
|---|---|---|
| 1. | **Afif Nazmi bin Nazeri**<br>JIE170001 (Jabatan Sastera) | Peraduan Sayembara Menulis Cerpen<br>3.5.2018 |
| 2. | **Sandorena Lok**<br>JEE150034 (Jabatan Sastera) | Peraduan Sayembara Menulis Cerpen<br>3.5.2018 |
| 3. | **Nur Anis Fariha bt Abdullah**<br>JEB150014 (Jabatan Linguistik) | Peraduan Sayembara Menulis Cerpen<br>3.5.2018 |
| 4. | **Norizzati Mazlan**<br>JEE150027 (Jabatan Sastera) | Peraduan Sayembara Menulis Cerpen<br>3.5.2018 |
| 5. | **Noor Farhah binti Rosly**<br>JGA140002 (Jabatan Sastera) | Peraduan Sayembara Menulis Cerpen<br>3.5.2018 |
| 6. | **Muhammad Fadhil bin Che Morad**<br>JIA170024 (Jabatan Kesenian) | 9th UPSI International Silat Championship 2018<br>(Perak Chief Minister Cup)<br>Emas Kategori Olahraga Putra Kelas J 90-95kg |
| 7. | **Muhammad Fadhil bin Che Morad**<br>JIA170024 (Jabatan Kesenian) | Sukan IPT (SUKIPT), UKM Bangi 2018<br>Gangsa Olahraga Putra Kelas J 90-95kg |
| 8. | **Muhammad Fadhil bin Che Morad**<br>JIA170024 (Jabatan Kesenian) | Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM)<br>UMK Pengkalan Chepa<br>Perak Olahraga Putra Kelas J 90-95kg |
| 9. | **Muhammad Fadhil bin Che Morad**<br>JIA170024 (Jabatan Kesenian) | Kejuaraan Silat Seni Asli Terbuka Edisi ke-9, 2018<br>Emas Putra Kelas I 85-90kg<br>Gangsa Kategori Silat Seni |



# Pencapaian Pelajar











# Jalinan Masyarakat

Program Jalinan Masyarakat kali kelima ini melibatkan mahasiswa Akademi Pengajian Melayu yang mengambil kursus GIG1005 yang dibantu oleh lima orang penyelaras. Lokasi program ini ialah di Kampung Air Tawar, Besut, Terangganu pada 26 hingga 28 April 2018 yang disertai oleh 70 orang pelajar APM dan 65 orang penduduk kampung. Program Jalinan Masyarakat ini telah berjaya mencapai matlamatnya sebagai sebuah program interaksi antara mahasiswa dengan masyarakat.

Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Haji Mohd Mahdi bin Haji Musa dan disertai oleh penduduk Kampung Air Tawar, Besut. Program Jalinan Masyarakat dipenuhi dengan pelbagai aktiviti, iaitu program anak angkat, program sukaneka bersama masyarakat, program kelas tuisyen bersama mahasiswa, malam santai mesra, pertandingan futsal dengan masyarakat, hiking di Bukit Keluang, senamrobik, gotong-royong, program keagamaan dan sebagainya.

Program ini telah berjaya mendedahkan kepada mahasiswa mengenai jalinan masyarakat dan peranan mereka dalam membantu secara sukarelawan dengan masyarakat. Selain itu, program Jalinan Masyarakat memberi peluang kepada mahasiswa untuk mempelajari, mengalami dan memahami budaya masyarakat setempat yang mampu melahirkan mahasiswa yang bersikap kemasyarakatan serta hubungan silaturrahim, kepimpinan berkesan dan pemindahan ilmu yang dipelajari di universiti dapat dijalankan bersama masyarakat.











# Jalinan Masyarakat


















# HARI INTERAKSI HATI'18

Hari Interaksi (HATI'18) ialah satu program yang diaturkan untuk mengalu-alukan kedatangan pelajar baru pada setiap sesi pengajian. HATI'18 telah diadakan pada 17 November 2018 di Dewan Semarak, APM. Profesor Dr. Puteri Roslina Abdul Wahid, pengarah APM telah merasmikan program ini yang telah disertai oleh mahasiswa APM tahun 1, tahun2, tahun 3, pensyarah dan kakitangan APM.

Pelbagai aktiviti telah diadakan bagi memeriahkan HATI'18 ini antaranya tarian Zumba, explorace, interaksi dalam jabatan, persembahan dari Dr. Lawrence, Busking dari kumpulan al-Falah dan 'pemandu pelancong'. Program dilengkapi dengan slot bersama Persatuan Mahasiswa Akademi Pengajian Melayu (PMAPM) dan diakhir dengan sesi fotografi.

Tema HATI'18 ialah "Bersua Hati, Menyulam Kasih" yang berkonsepkan santai dengan pelbagai persembahan dan permainan, tetapi turut berkesan untuk mengeratkan silaturrahim antara pelajar, pensyarah dan kakitangan APM dalam suasana yang tidak formal. Silaturahim ini penting untuk membolehkan warga APM bekerja dan belajar dalam suasana yang aman dan damai.







# Malam Tautan Kasih Maltis 2018

### *Pengenalan*

Malam Tautan Kasih 2018 (MALTIS 2018) pada tahun ini merupakan satu majlis tradisi yang paling bermakna buat semua mahasiswa dan mahasiswi Akademi Pengajian Melayu (APM), Universiti Malaya. Majlis ini amat bermakna bagi pelajar kurang upaya (OKU) yang turut sama menyumbang bakti untuk akademi tercinta sebagai pelajar ijazah dasar. Walau bagaimanapun, program ini lebih bertujuan untuk menghargai khidmat dan sumbangan mahasiswa dan mahasiswi tahun akhir sama ada dalam bidang akademik mahupun ko-kurikulum. Pada tahun ini juga, Persatuan Mahasiswa Akademi Pengajian Melayu akan menganjurkan acara tradisi APM ini dengan melibatkan seluruh mahasiswa dan kakitangan APM yang telah banyak menyumbangkan tenaga dalam mengharumkan nama akademi tercinta. Hal ini merupakan satu langkah pembaharuan memandangkan akademi tidak pernah mengadakan satu acara makan malam yang mengumpulkan semua mahasiswa dengan kakitangan APM dalam suatu masa.

Fokus majlis ini dijalankan adalah untuk meraikan pencapaian dan bakti yang dicurahkan oleh mahasiswa dan mahasiswi tahun akhir sepanjang tempoh pengajian. Selain itu, program ini mengandungi pelbagai persembahan kesenian dan kebudayaan Melayu. Tujuannya adalah untuk menyokong matlamat kerajaan yang ingin mengekalkan warisan budaya Melayu serta mencungkil bakat-bakat yang terpendam dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi APM. Perkara ini juga selaras dengan nama majlis yang akan dianjurkan iaitu MALTIS yang membawa maksud ‘Malam Tautan Kasih’ sebagai menginterpretasikan kegembiraan perasaan seseorang mahasiswa dan mahasiswi uttuk menjadi insan yang berguna kepada keluarga, masyarakat dan agama pada masa akan datang. Objektif majlis makan malam ini adalah untuk menghimpunkan semua mahasiswa dan mahasiswi untuk berkongsi kegembiraan serta menjalinkan hubungan silaturrahim. Para graduan juga boleh mengambil kesempatan untuk menunjukkan rasa terima kasih kepada pensyarah mereka. Majlis ini juga diharapkan dapat mengeratkan lagi hubungan sesama mahasiswa, para pensyarah dan pihak pentadbiran APM. Justeru, dengan adanya projek ini amatlah diharapkan agar mahasiswa dan mahasiswi dapat memanfaatkan sepenuhnya program yang dirancangkan sebagai kenangan yang terindah kepada setiap yang terlibat.

### *Objektif*

- Meraikan majlis perpisahan mahasiswa dan mahasiswi tahun akhir APM yang bakal menamatkan pengajian mereka pada tahun 2018
- Menghargai sumbangan dan pencapaian semua mahasiswa dan mahasiswi tahun akhir yang telah mengharumkan nama APM dalam pelbagai bidang sama ada dari sudut akademik mahupun kokurikulum.
- Mengeratkan hubungan silaturrahim dan semangat muhibah antara mahasiswa dan mahasiswi dengan para pensyarah dan pihak pentadbiran.
- Memberikan pendedahan kepada mahasiswa dan mahasiswi terutamanya yang terlibat sebagai ahli jawatankuasa pelaksana tentang prosedur-prosedur penting dalam menggerakkan sesebuah program.
- Mengembangkan bakat mahasiswa dan mahasiswi dari segi kepimpinan, keyakinan diri sendiri, individu yang berpengetahuan dan berkebolehan dan berkemahiran.

| | | |
|---|---|---|
| Anjuran | : | Persatuan Mahasiswa Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya |
| Tarikh dan Masa | : | 2 Mei 2018 (7.45 – 11.30 |
| Tempat | : | Dewan Semarak, APM, UM |
| Perasmi | : | YBhg. Prof. Dr. Puteri Roslina binti Abdul Wahid<br>Pengarah, Akademi Pengajian Melayu, UM |

# Malam Tautan Kasih Maltis 2018
















# Kenduri Rakyat 2018

Kenduri Rakyat diadakan pada 4 Mei 2018 merupakan satu projek kali ketujuh yang melibatkan semua warga Akademi Pengajian Melayu termasuk mahasiswa dan kakitangan akademik serta staf sokongan. Persiapan kenduri telah dimulakan sebulan lebih awal, melibatkan kerja-kerja memilih menu masakan, pengagihan kerja sehingga kerja-kerja memasak yang melibatkan semua pihak. Budaya rewang dan amalan kerja gotong royong jelas mengeratkan lagi silaturrahim seluruh warga APM yang terlibat dalam menjayakan kenduri ini. Program Kenduri Rakyat ini memberi impak positif dalam kalangan mahasiswa terutama pengalaman dalam menguruskan suatu majlis. Tema Tahun 60-an menjadi pilihan yang dapat mengimarahkan semangat perpaduan dengan mengetengahkan budaya dan adat Melayu dalam aspek pakaian dan pengurusan majlis kenduri rakyat.













# Kenduri Rakyat 2018













# Gambar Hari Interpersonal Live dan Program Fasilitator









## Peristiwa Begambar Firedrill









## Peristiwa Begambar Hari Raya









# PROGRAM BICARA TOKOH
## Profesor Emeritus Dato' Dr. Isahak bin Haron

Program Bicara Tokoh merupakan program tahunan yang dijalankan oleh Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Program ini dijalankan untuk membincangkan isu-isu berkaitan bidang bahasa Melayu dengan menjemput seorang tokoh yang berwibawa dalam bidang mereka. Di samping itu, program ini juga merupakan platform untuk membina budaya berdiskusi antara mahasiswa dan mahasiswi. Program pada kali ini telah menampilkan Profesor Emeritus Dato' Dr. Isahak bin Haron yang merupakan pakar dalam bidang pendidikan bahasa. Beliau telah mendiskusikan berkaitan pengajaran literasi 2M bahasa Melayu menggunakan Kaedah Gabungan Bunyi-Kata (KGBK) untuk Rumi dan Jawi. Program yang dijalankan pada 11 Oktober 2018 ini melibatkan mahasiswa dan mahasiswi Tahun 3 Jabatan Bahasa Melayu.

Antara isu yang dibincangkan ialah faktor-faktor kelemahan murid dalam menguasai kemahiran membaca dan menulis, kelemahan program membaca terdahulu, dan keistimewaan kaedah Kaedah Gabungan Bunyi-Kata (KGBK) untuk Rumi dan Jawi dalam menyelesaikan masalah membaca dan menulis itu sendiri. Menurut Profesor Emeritus Dato' Dr. Isahak bin Haron lagi, kaedah KGBK ini telah diperkenalkan olehnya sejak 1979 lagi. Beliau telah membentangkannya dalam satu siri pembentangan kertas kerja di KONPEN IV anjuran Persatuan Suluh Budiman di Kuantan. Beliau turut menasihati para mahasiswa dan mahasiswi yang bercita-cita untuk memilih kerjaya perguruan supaya mempunyai sifat kesabaran dalam mendidik murid. Beliau beranggapan bahawa setiap kanak-kanak mempunyai keupayaan dalam pembelajaran menulis dan membaca meskipun kadar perkembangan mereka berbeza-beza.



# PROGRAM BICARA TOKOH
## Profesor Emeritus Dato' Dr. Isahak bin Haron




















# Seminar Kerjaya

Seminar kerjaya buat julung-julung kalinya diadakan untuk mahasiswa dan mahasiswi tahun tiga Jabatan Bahasa Melayu. Penganjurannya bertujuan untuk mempersiapkan pelajar-pelajar tahun akhir ini ke arah bidang pekerjaan semasa selepas mereka tamat belajar kelak. Terdapat dua siri ceramah kerjaya, iaitu asas solekan bersama Mary Kay dan kewartawanan dan penyuntingan bersama En Arif bin Atan.

Kelas asas solekan bersama Mary Kay telah diadakan pada 13 Disember 2018 telah menjemput beberapa konsultan kecantikan Mary Kay untuk menunjukkan cara yang betul berkaitan pembersihan wajah dan solekan. Penjagaan wajah dan solekan yang bersesuaian mampu menonjolkan imej yang positif terutamanya semasa menghadiri temu duga kelak. Malah, asas-asas tersebut mampu meningkatkan keyakinan apabila berhadapan dengan khalayak ramai.

Seminar Kerjaya seterusnya iaitu kewartawanan dan penyuntingan turut diadakan 18 Disember 2018. Sesi ini telah menjemput seorang alumni Akademi Pengajian Melayu, iaitu En. Arif bin Atan untuk berkongsi pengalamannya dalam bidang tersebut. Para pelajar didedahkan dengan cara penulisan berita yang betul, penulisan berita yang menarik, dan penyuntingan berita. Beliau turut berkongsi pengalaman sepanjang berkecimpung dalam bidang tersebut. Beliau turut menasihati para pelajar supaya banyak











# MoA/MoU/SEPA

1. MoA Fasa Pertama untuk menerbitkan 4 buah buku – Akademi Pengajian Melayu dengan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM), untuk tempoh tiga tahun mulai Mac 2018 hingga Mac 2021.

2. MoA Fasa Kedua untuk menerbitkan 9 buah buku – Akademi Pengajian Melayu dengan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) untuk tempoh dua tahun mulai Nov. 2018 hingga Nov 2020.

**Lawatan**

1. 25 Januari 2018 - GPK Korikulum SMK Tuanku Maehol, Seremban
2. 9 Mac 2018 – Delegasi Universitas Mahidol, Thailand
3. 14 Mac 2018 – Institut Pendidikan Guru Kampus Tawau
4. 15 Mac 2018 – Lawatan SMK Tengku Mahmud Iskandar, Tangkak, Johor.
5. 11 April 2018 – Lawatan dari SMK Tengku Ampuan Afzan, Pahang.
6. 24 September 2018 – SMK Dato' Undang Musa Al-Haj, Negeri Sembilan
7. 27 Sept. 2018 - Lawatan delegasi Dicle University, Turkey. Membincangkan program penubuhan Pusat Bahasa Melayu di Dicle University, Turkey.
8. 27 September 2018 – Lawatan Assumption Pathway School, Singapura.
9. 18 Oktober 2018 – Lawatan delegasi Universitas Gadjah Mada, Indonesia. Membincangkan program kerjasama dan pertukaran pelajar.
10. 19 November 2018 – Lawatan SK Pinang Tunggal, Kepala Batas, Pulau Pinang

**Program Pertukaran Pelajar (SEPA) - Inbound**

1. Seramai 17 orang pelajar daripada Beijing Foreign Studies University, China (BFSU) terlibat dengan program pertukaran pelajar APM-BFSU untuk tempoh September 2018 – Februari 2019.

2. Seramai 7 orang pelajar daripada Guangdong Universities of Foreign Studies (GUFS), China terlibat dengan program pertukaran pelajar untuk tempoh 3 September 2018 – 17 Februari 2019.

3. Seramai 14 orang pelajar daripada Tianjin Foreign Studies University (TFSU) terlibat dengan program pertukaran pelajar untuk tempoh September 2018 – Julai 2019.
4. Seramai 10 orang pelajar daripada Universitas Sebelas Maret, Indonesia terlibat dengan program pertukaran pelajar untuk tempoh 25 September 2018 – 16 Oktober 2018.

5. Seramai 2 orang pelajar daripada Universitas Andalas, Indonesia terlibat dengan program pertukaran pelajar untuk tempoh 10 September 2018 – 9 Oktober 2018.

**Program Pertukaran Pelajar (SEPA) – Outbound**

1. Seramai 8 orag pelajar APM telah terlibat dengan program pertukaran pelajar ke Universitas Sebelas Maret, Indonesia untuk tempoh 5-18 November 2018.

# Program Pertukaran Pelajar (SEPA)
# Inbound Outbound








# KERATAN AKHBAR

## PAMERAN ALAT MEMBURU TRADISIONAL



**Satu** masa dulu aktiviti memburu haiwan begitu popular sama ada dalam hutan, belukar, sungai dan laut.

Pelbagai peralatan berbeza digunakan mengikut jenis haiwan yang ingin ditangkap dan keadaan persekitarannya.

Antara peralatan tradisional digunakan ialah jaring, jebak, jerat, lembing, perangkap, racik, lastik, lukah, bubu dan pukat.

Namun, aktiviti itu kini semakin kurang digemari dan perubahan cara hidup juga menyebabkan ilmu serta kemahiran memburu, memasang jerat selain perangkap kian dilupakan.

Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya mengambil inisiatif menganjurkan Pameran Peralatan Memburu Jerat dan Perangkap untuk memberikan pendedahan kepada orang ramai berkenaan peralatan itu di Muzium Etnografi Melayu di akademi berkenaan.

> N36



# KERATAN AKHBAR

## Pameran alat memburu tradisional



HARIAN METRO
RABU 16 MEI 2018

# JEBAK PUYUH PALING UNIK

### Koleksi antik Muzium Negara, reka bentuk berbeza mengikut tempat



JEBAK burung puyuh peralatan yang menarik terdapat dalam pameran.

DARI MUKA N33

Pameran yang berlangsung dari 16 April hingga 15 Mei ini menghimpunkan 120 peralatan tradisional merangkumi peralatan memburu, menangkap burung, ikan, jerat dan perangkap haiwan darat, koleksi lukisan berkaitan haiwan serta kajian ilmiah.

Kurator muzium terbabit, Mohammad Anis Abdul Samad berkata, peralatan paling unik dipamerkan ialah jebak burung puyuh kerana ramai tidak mengetahui dan jarang melihatnya.

"Terdapat kira-kira 13 jenis jebak burung puyuh dipamerkan dan ia antara koleksi antik Muzium Negara serta milik peribadi pengumpul barangan antik, Datin Azlina Yunus.

"Peralatan ini diperbuat daripada buluh, kayu dan jaring. Reka bentuknya berbeza mengikut tempat iaitu Kelantan, Thailand, Indonesia dan Sarawak," katanya.

Beliau berkata, jebak itu bersaiz kecil kerana bersesuaian dengan saiz burung puyuh. Pada masa dulu, memikat burung burung puyuh antara kegiatan diminati terutama selepas musim menuai padi ketika banjir.

"Pada musim itu burung puyuh mudah didekati. Puyuh denak diletakkan di dalam jebak untuk dijadikan penarik kepada puyuh liar.

"Apabila puyuh liar mendekati pintu jebak dan terpijak ferat yang dipasang, pintu jebak pun tertutup," katanya.

Jelasnya, aktiviti menjebak burung puyuh semakin dilupakan apabila haiwan berkenaan mudah didapati kerana adanya penternakan moden.

Namun masih ramai pencinta seni meminati jebak puyuh sebagai salah satu artifak budaya kerana memiliki keindahan dan keunikan tersendiri yang perlu dipulihara.

**–Nor 'Asyikin Mat Hayin**



PENSYARAH Jabatan Sosio Budaya Akademi Pengajian Melayu Zamre Abu Hassan menunjukkan bubu iaitu sejenis peralatan menangkap ikan.

> "Terdapat kira-kira 13 jenis jebak burung puyuh dipamerkan dan ia antara koleksi antik Muzium Negara serta milik peribadi pengumpul barangan antik, Datin Azlina Yunus
>
> **MOHAMMAD ANIS**



MOHAMMAD Anis melihat antara jebak burung puyuh yang dipamerkan.



PENSYARAH kanan Jabatan Sosio Budaya Akademi Pengajian Melayu Dr Marzudi Md Yunus (kiri) melihat peralatan tradisional untuk ikhtiar hidup.

### INFO

**Pameran Peralatan Memburu Jerat dan Perangkap**

**Peralatan:** 120
**Tarikh:** 16 April hingga 15 Mei 2018
**Alamat:** Muzium Etnografi Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
**Masa:** 9 pagi hingga 5 petang.

**Empat jenis peralatan memburu dan jerat**

**1. Peralatan memburu**
- Panah tradisional
- Sumpit
- Tombak
- Tiruk ikan
- Tampuling

**2. Peralatan menangkap burung**
- Jebak

**3. Peralatan menangkap ikan**
- Bubu
- Lukah
- Jala
- Serkap

**4. Peralatan jerat dan perangkap haiwan darat (dalam hutan)**
- Jerat bingkai
- Perangkap pelanduk
- Jerat jerut

# SENARAI PENERBITAN 2018




## BERGURU PADA SEJARAH (KUMPULAN PUISI)

**ISBN** : 9789674607746
**Penulis** : Haryatie Ab. Rahman
**Penterjemah** :
**Tahun Terbitan** : 2018
**Harga** : RM 20.00

Beli Sekarang

KARYA ASLI SASTERA
Puisi






# SENARAI PENERBITAN 2018












# KONVOKESYEN 2018

*Tahniah* diucapkan kepada para graduan Akademi Pengajian Melayu yang telah berjaya menamatkan pengajian dan dianugerahkan skrol pada tahun ini. Istiadat konvokesyen 2018 telah menyerlahkan APM sebagai salah satu PTj yang menghasilkan graduan yang berkaliber dan bermutu tinggi yang memiliki ciri-ciri yang diperlukan dalam pasaran kerja pada hari ini serta dapat dibanggakan oleh masyarakat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Pada sesi ini, seramai 75 orang graduan pada peringkat Ijazah Sarjana Muda, 46 orang pada peringkat Ijazah Sarjana dan 5 orang pada peringkat Doktor Falsafah (PhD).

Pecahan bilangan graduan Ijazah Sarjana Muda mengikut program adalah Sarjana Muda Pengajian Melayu (Bahasa Melayu) seramai 19 orang, Sarjana Muda Pengajian Melayu (Kesusasteraan Melayu) seramai 16 orang, Sarjana Muda Pengajian Melayu (Linguistik Melayu) seramai 15 orang, Sarjana Muda Pengajian Melayu (Sosio-Budaya Melayu) seramai 12 orang dan Sarjana Muda Pengajian Melayu (Kesenian Melayu) seramai 13 orang.

Pada peringkat Ijazah Sarjana pula, seorang graduan untuk Sarjana Pengajian Melayu (Disertasi), 5 orang graduan untuk Sarjana Pengajian Melayu (Kursus dan Disertasi), 16 orang graduan untuk Sarjana Pengajian Melayu (Kursus Sepenuhnya) dan 24 orang graduan untuk Sarjana Sastera Pengajian Melayu (Kursus Sepenuhnya).

Senarai penerima Hadiah Buku Universiti adalah Sdr. Fatin Nadiah Binte Mohd Zain, Sdr. Sri Nur Amanina Binte Kamil, Sdr. Siti Amirah Binte Mohamad Isah (Singapore), Sdr. Lok Weng Hang, Sdr. Nor Nadhirah Binti Ghani, Sdr. Nurul Fatin Binti Zulkarnaini bagi program Sarjana Muda Pengajian Melayu (Bahasa Melayu), Sdr. Dewih Binti Haris, Sdr. Nazatul Syahira Binti Mohd Salim, Sdr. Norizzati Binti Mazlan, Sdr. Nur Sakinah Binte Abdul Ghani (Singapore), Sdr. Nurain Nasuha Bt Mohd Yusoff, Sdr. Nurul A'fifah Binti Muslim, Sdr. Nurul Syahirah Binti Mohd Yusof, Sdr. Sandorena Lok bagi program Sarjana Muda Pengajian Melayu (Kesusasteraan Melayu), Sdr. Nur Fathiha Asyikin Bte Baharin, Sdr. Zaifitrah Binti Abu Samah, Sdr. Nur Farah Syahirah Binti Mohd Nasir bagi program Sarjana Muda Pengajian Melayu (Linguistik Melayu), Sdr. Ornwara Tritrakarn (Thailand), Sdr. Nur Fatihah Binti Mohamed Ismail, Sdr. Sri Juliana Rabitah Binti Asmar Suar Piliang bagi program Sarjana Muda Pengajian Melayu (Sosio-Budaya Melayu) serta Sdr. Liyana Nabilah Binti Muhd Aminudin, Sdr. Nor Iezzaty Binti Mohd Jusoh, Sdr. Nurul Izzati Binti Laman, Sdr. Ros Syafiqah Binti Mat Ghani bagi program Sarjana Muda Pengajian Melayu (Sosio-Budaya Melayu). Ornwara Tritrakarn (Thailand) juga turut menerima Hadiah Buku Cikgu Haji Osman Hassan manakala Sdr. Sandorena Lok menerima Pingat Emas Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat.



# KONVOKESYEN 2018





# PELAN STRATEGIK AKADEMI PENGAJIAN MELAYU

## ASPIRASI AKADEMI PENGAJIAN MELAYU

### *Visi*

Untuk menjadi pusat ilmu Pengajian Melayu yang ternama pada peringkat antarabangsa dalam pengajaran, penyelidikan, penerbitan dan inovasi.

### *Misi*

**2015**
**Memantapkan Kaedah/Modul Sedia Ada**
- Proses pengambilan pelajar berkualiti
- Kaedah pengajaran dan pembelajaran mantap.
- Negara sasaran ialah dalam Asia Tenggara dan Asia Timur.

**2016**
**Menguatkan Hubungan Antarabangsa**
- Mewujudkan hubungan erat dengan institusi luar.
- Promosi Hab Ilmuan APM.
- Negara sasaran ialah Negara Asia Timur (Jepun, Korea dan lain-lain).

**2017**
**Melaksanakan *"Benchmark"* Antarabangsa**
- Menjalinkan kerjasama rasmi melalui MOU/MOA pada peringkat antarabangsa.
- Membuat *"benchmark"*.
- Negara sasaran ialah Negara Asia Barat.

**2018**
**Memimpin Dalam Ilmu Pengajian Melayu**
- Melaksanakan barisan pemimpin APM yang berkaliber.
- Mengkomersialkan hasil-hasil penyelidikan dan penerbitan.
- Negara sasaran ialah negara Asia Barat.

**2019**
**Mengkomersialkan Penyelidikan dan Program**
- Melaksanakan program APM berbayar.
- Proses penjanaan pendapatan yang berjaya.
- Negara sasaran ialah Negara benua Eropah.

# Penghargaan



Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam
penerbitan Buletin APM 2018

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU**
**UNIVERSITI MALAYA**
**50603 KUALA LUMPUR.**
**TEL: 03– 79677200**
**FAKS: 03–79677214 / 7266**
**LAMAN SESAWANG:** ***http://apm.um.edu.my/***
**EMEL:** ***apm@um.edu.my***